

KITAB HASYIAH AL-BAJURI 'ALA SYARH IBN QASIM AL-GHAZZI 'ALA MATN ABI SYUJA' DAN PENGENALAN KONSEP AL-TAYSIR PADANYA

[THE BOOK HASHIAH AL-BAJURI 'ALA SHARH IBN QASIM AL-GHAZZI 'ALA MATN ABI SYUJA' AND THE INTRODUCTION TO THE CONCEPT OF AL-TAYSIR WITHIN IT]

MOHD FAUZAN ABDULLAH¹ & HASANULDDIN MOHD^{2*}

^{1*} Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-Mail: akmalazmi@gmail.com

² Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Melayu Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-Mail: hasandin@unisza.edu.my

Corressponding Author E-Mail: hasandin@unisza.edu.my

Received: 30 October 2024

Accepted: 30 November 2024

Published: 31 December 2024

Abstrak: Pendekatan *al-taysir* iaitu memberikan kemudahan dalam Islam sering disalahgunakan oleh sesetengah golongan yang menjelaskan hukum syarak tanpa *dawabit* yang jelas. Pada masa yang sama, terdapat golongan yang agak ketat dalam memahami dan mengamalkan ajaran Islam sehingga seolah-olah menolak Islam sebagai agama yang membawa konsep *al-taysir* dan kesederhanaan. Justeru, kajian ini ingin menonjolkan sebuah karya Imam al-Bajuri yang bermazhab Syafie iaitu *Hasyiah Al-Bajuri 'Ala Syarh Ibn Qasim Al-Ghazzi 'Ala Matn Abi Syuja'* bagi menjelaskan penggunaan *al-taysir* dalam mengemukakan pandangan fiqh. Kajian adalah bersifat kualitatif, dengan data diperolehi secara analisis dokumen daripada rujukan terpilih, terutamanya karya tokoh pengarang sendiri. Ia dianalisis menurut metode analisis kandungan dan perbandingan. Kajian mendapati banyak pandangan hukum Imam al-Bajuri dalam karya ini yang meraikan pendekatan *al-taysir*. Beliau banyak mentarjihkan pandangan yang menepati konsep *al-taysir* dalam hukum. Kajian seumpamanya ini perlu diperkasakan bagi menjelaskan bahawa ulama mazhab Syafie juga menyumbangkan jasa yang tidak ternilai kepada khazanah fiqh, dengan pendekatan *al-taysir* dan bersifat *wasati* dalam mendepani permasalahan kontemporari.

Kata Kunci: Hasyiah al-Bajuri, Imam al-Bajuri, konsep *al-taysir*

Abstract: The approach of *al-taysir*, which refers to facilitating ease in Islam, is often misused by certain groups who explain Islamic law without clear guidelines. At the same time, there are groups that are relatively strict in understanding and practicing Islamic teachings, to the point of seemingly rejecting Islam as a religion that brings the concept of *al-taysir* and moderation. Therefore, this study aims to highlight the great work of Imam al-Bajuri, who followed the Shafi'i school of thought, titled *Hasyiah Al-Bajuri 'Ala Syarh Ibn Qasim Al-Ghazzi 'Ala Matn Abi Syuja'*, to explain the use of *al-taysir* in presenting fiqh views. This study is qualitative, with data obtained through document analysis from selected references, particularly from the work of the author himself. The analysis is conducted using content analysis and comparison methods. The study finds that many of Imam al-Bajuri's legal opinions in this work embrace the *al-taysir* approach. He often preferred views that align with the concept of *al-taysir* in law. Such studies should be strengthened to clarify that Shafi'i scholars also made invaluable

contributions to the fiqh tradition, with the approach of *al-taysir* and moderation in addressing contemporary issues.

Keywords: Hasyiah al-Bajuri, Imam al-Bajuri, concept of *al-taysir*

Cite This Article:

Mohd Fauzan Abdullah & Hasanulddin Mohd. (2024). Kitab *Hasyiah al-Bajuri 'Ala Syarh Ibn Qasim al-Ghazzi 'ala Matn Abi Syuja'* dan Pengenalan Konsep *al-Taysir* Padanya [The Book *Hasyiah al-Bajuri 'Ala Sharh Ibn Qasim al-Ghazzi 'ala Matn Abi Syuja'* and The Introduction to The Concept of *al-Taysir* Within it]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 4(4), 13-18.

PENGENALAN

Al-taysir ialah kalimah Arab yang diambil daripada perkataan al-yusr yang bermaksud mudah. Ia adalah sebuah konsep penting dalam Islam merangkumi akidah, syariah dan akhlak. Disebabkan syariah Islam bersifat *al-taysir* iaitu yang memudahkan dan mengangkat kesukaran daripada mukalaf, ia menjadi garis panduan yang dipegang oleh seseorang *faqih* atau mufti dalam menjelaskan hukum syarak atau ketika mengeluarkan fatwa. Prinsip syariah itu membentuk keperibadian seorang *faqih* atau mufti sehingga menjadi syarat untuk menjadi seorang *faqih* atau mufti mestilah seseorang memiliki sifat memudahkan mukalaf dalam penjelasan hukum syarak.

Antara contoh pendekatan *al-taysir* ini pada seorang mufti, dia akan memilih mazhab fiqah yang muktabar dan daripada pendapat-pendapat fuqaha yang muktabar, pendapat-pendapat yang lebih memberi maslahat diamalkan oleh mukalaf, terutamanya pada isu-isu *nazilah* (isu-isu feqah semasa yang tiada nas yang jelas), supaya mendekatkan mereka kepada taklifan syariat dan bertepatan dengan prinsip *al-taysir*. Perkara ini juga disebut *ikhtiyar fiqhi* (Hasanulddin Mohd et. al, 2018).

PENGENALAN RINGKAS IMAM AL-BAJURI

Ramai para ilmuwan dalam bidang fiqh menghasilkan penulisan-penulisan yang meraikan manhaj *al-taysir* dalam syariah. Antaranya ialah Imam Ibrahim al-Bajuri yang merupakan Syeikh al-Azhar dan Mufti mazhab Syafie di Mesir pada zamannya. Beliau dilahirkan pada tahun 1198H di Bajur yang terletak di timur negeri Manufia, Mesir. Imam al-Bajuri telah kembali ke rahmatullah pada hari Khamis 28 Zulkaedah tahun 1276H bersamaan 19 Julai 1860 dan dikebumikan di Kaherah.

Imam al-Bajuri berguru dengan tokoh-tokoh ulama di Mesir seperti seperti al-Imam Muhammad al-Amir, Sheikh Abdullah al-Syarqawi (Sheikh al-Azhar ketika itu), Sheikh Hasan Quwaisny (Sheikh al-Azhar selepasnya), Sayyid Dawud al-Qal'awi dan Sheikh Muhammad Al-Fudhali. Dalam tempoh yang singkat, terserlah bakat Imam al-Bajuri dalam ilmu *aqli* dan *naqli* ketika beliau masih muda dan diakui oleh guru-guru beliau. Beliau diberi keizinan mengajar di al-Azhar dan madrasah-madrasah lain. Halaqah ilmu beliau disertai oleh pelajar-pelajar dari segenap pelusuk negara dan ulama-ulama daripada pelbagai mazhab dan pegangan, sama ada yang muda ataupun yang lebih senior daripada beliau. Rahsia kejayaan beliau ialah pada ketelitian isi penyampaian dan kefasihan lisan pada syarahan beliau, serta keluasan ilmu

dan pengetahuan yang pelbagai. Imam al-Bajuri belajar, mengajar dan menulis bermula dari awal pagi sehingga ke waktu Isya. Sesudah Isya', beliau akan mengalunkan bacaan Al-Quran dengan suara yang merdu dan disaksikan oleh beratus-ratus pencinta al-Quran. Biarpun sibuk dengan mengajar dan menulis, beliau juga sangat tekun membaca al-Quran. Wirid harian al-Quran beliau adalah sekali khataman sehari atau hampir sekali khataman (Usamah al-Sayyid 2011, 223). Halaqah pengajian ini tidak dihentikan walaupun setelah beliau diberi gelaran Sheikh al-Azhar.

Imam al-Bajuri memegang tampuk kepimpinan ilmu al-Azhar dengan menjadi Sheikh al-Azhar yang ke-19 setelah Sheikh Abdul Jawwad Al-Safti, bermula bulan Sya'ban tahun 1263H bersamaan bulan Julai tahun 1847M.

Imam al-Bajuri meninggalkan banyak koleksi penulisan yang secara umumnya masih digunakan sehingga ke hari ini, sama ada dalam pengajian formal di universiti ataupun dalam pengajian tidak formal di seluruh dunia. Antaranya ialah *Hasyiah al-Bajuri 'ala Sharh Ibn Qasim al-Ghazzi 'ala Matn Abi Syuja'* yang menjadi subjek kajian ini. Dar al-Ifta' Mesir yang merupakan sebuah badan fatwa yang menjadi rujukan dunia juga menggunakan kitab ini secara khusus sebagai rujukan utama dalam fatwanya dalam mazhab Syafie (Pejabat Penyelidikan Dar al-Ifta al-Misriyah 2013, 190).

Penulisan-penulisan al-Bajuri dikemukakan dalam pelbagai bidang ilmu yang kebanyakannya dalam bentuk *hasyiah* (komentar atas huraian) yang tersusun rapi. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kitab-kitab beliau merupakan antara silibus yang lengkap dan menyeluruh untuk melahirkan seorang ulama.

PENGENALAN KITAB HASYIAH AL-BAJURI

Kitab yang menjadi subjek kajian ini ialah *Hasyiah al-Bajuri 'ala Syarh Ibn Qasim 'ala Matan Abi Syuja'*. Ia merupakan antara karya terkemuka Imam al-Bajuri dalam bidang fiqh. *Hasyiah* bermaksud komentar ke atas komentar atau huraian atas huraian yang terdahulu. Ia merupakan sebuah cara penulisan yang masyhur pada era itu. Imam al-Bajuri adalah antara ulama yang terakhir menulis dengan cara sedemikian. Justeru, beliau digelar *akhir ashab al-hawashi*. Penulisan *hasyiah* kebiasaannya memasukkan perbahasan lain yang tidak berkaitan dengan fiqh secara langsung seperti perbahasan susunan matan dan syarah, bahasa Arab, tafsir, *mujarrabat*, zikir dan sebagainya. (Kamal Nabhan 2015, 334).

Imam al-Bajuri selesai menulis *Hasyiah al-Bajuri 'ala Syarh Ibn Qasim* pada hari Rabu selesai solat zohor, bulan Jamadil Akhir tahun 1258H, sebahagian ditulis di Mekah dan sebahagian lagi ditulis di Madinah (Al-Bajuri, 2016, 4:780). Kitab ini merupakan penulisan terakhir yang ditinggalkan oleh Imam al-Bajuri (Usamah al-Sayyid, 2011, 222). Kitab ini dibahagikan kepada Mukadimah dan 15 bab.

Hasyiah al-Bajuri terkenal kerana gaya bahasanya yang mudah dan penjelasannya yang terperinci. Malah ia menghimpunkan persoalan-persoalan fiqh, kaedah-kaedah fiqh, dan faedah-faedah yang jarang-jarang ditemui dalam kitab yang lain. Kebiasaannya, Imam al-Bajuri akan memulakan perbahasan sesuatu bab dengan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah, kemudian menghuraikannya secara ringkas. Begitu juga, Imam al-Bajuri memasukkan isu-isu fiqh yang berlaku pada zaman beliau yang sebahagiannya masih relevan pada zaman sekarang. *Hasyiah al-Bajuri* menjadi masyhur dan ia tersebar ke seluruh dunia hingga menjadi silibus

utama pengajian di al-Azhar dan madrasah-madrasah Islam bermazhab Syafie termasuk di Alam Melayu.

KONSEP AL-TAYSIR DALAM KITAB HASYIAH AL-BAJURI

Terdapat banyak keistimewaan kitab *Hasyiah al-Bajuri 'ala Syarh Ibn Qasim* yang mendukung konsep *al-taysir*. Antaranya adalah (Ali Zainal Abidin 2018, 124);

1. Merujuk pendapat (*aqwal*) *Syaikhain*, iaitu Imam al-Rafi'i dan Imam al-Nawawi, serta mentarjihkan salah satu daripada *qaul* mereka.

Antaranya adalah perselisihan antara dua Imam tersebut pada hukum menghilangkan najis, adakah ia termasuk perkara-perkara fardu mandi wajib atau tidak? Imam al-Rafi'i mengatakan ia termasuk perkara fardu mandi wajib, manakala Imam al-Nawawi mengatakan tidak. Lalu, Imam al-Bajuri mentarjihkan *qaul* al-Nawawi dengan mengatakan perkara fardu bagi mandi wajib ada dua sahaja; niat dan meratakan air pada seluruh jasad (Al-Bajuri 2016, 1:339).

2. Merujuk *aqwal* *Syaikhain* Imam Ibn Hajar al-Haitami dan Imam Ramli, serta mentarjihkan salah satu *qaul* mereka.

Ini antara keistimewaan *Hasyiah al-Bajuri* yang signifikan. Beliau menukilkan perselisihan yang berlaku antara Ibn Hajar dan Imam Ramli walaupun dalam banyak permasalahan beliau memilih pendapat Imam Ramli. Beliau juga berpegang pada *qaul* Ibn Hajar dalam beberapa permasalahan. Antara perselisihan tersebut adalah;

Seorang yang berhadas besar sekiranya dia mengambil wuduk sebelum mandi, kemudian dia berhadas sebelum dia mandi, dia tidak perlu mengulang kembali mengambil wuduk mengikut pendapat Imam Ramli. Menurut Ibn Hajar al-Haitami, dia perlu mengulang kembali. (Al-Bajuri, 2016, 1:346)

3. Menjelaskan pendapat yang muktamad dalam mazhab.

Imam al-Bajuri sangat mementingkan dalam penulisan *Hasyiahnya* untuk menjelaskan pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafi'i. Oleh itu, beliau kadang-kadang menyebut bahawa beberapa pendapat Ibn Qasim adalah pendapat yang daif dalam mazhab, dan menjelaskan pendapat yang muktamad. Antara contohnya: Ibn Qasim al-Ghazzi menyebutkan: Wajib menyertakan niat tayammum ketika memindahkan tanah ke muka atau kedua tangan dan mengekalkan niat sehingga menyapu sebahagian daripada muka.

Imam al-Bajuri memberi komentar mengatakan: Ini pendapat yang daif. Pendapat yang muktamad adalah memadai menghadirkan niat ketika menyapu sebahagian daripada muka (Al-Bajuri, 2016, 1:400)

4. Menyebut mazhab-mazhab lain.

Dalam beberapa permasalahan dalam kitab ini, Imam al-Bajuri menyebutkan pendapat-pendapat di luar mazhab Syafi'i. Ia disebutkan secara ringkas tanpa pendalilan. Contohnya: Harus hukumnya menggunakan bekas kopi walaupun daripada emas dan perak dalam mazhab Hanafi. Kemudian beliau menyebutkan bahawa yang muktamad di sisi mereka adalah haram. (Al-Bajuri, 2016, 1:216)

5. Menerangkan makna lafaz yang tidak jelas.

Sesiapa yang membaca *Hasyiah al-Bajuri* akan mendapati kepakaran Imam al-Bajuri dalam ilmu *lughah* (bahasa). Perkara ini jelas dilihat pada penjelasan lafaz-lafaz syarah yang tidak jelas, memberikan hujah daripada syair-syair Arab, menukilkan daripada ulama *lughah*, dan menyebut beberapa kaedah nahu dan saraf. Contohnya pada penetapan makna kalimah ‘العلمين’. Beliau menjelaskannya dengan panjang lebar serta menjelaskan perbezaan antara *ism jins ifradi* dan *ism jins jama'i*. (Al-Bajuri, 2016, 1:128-129)

6. Mengemukakan hujah daripada ayat al-Quran dan Hadis Nabawi.

Imam al-Bajuri memberikan pendalilan bagi permasalahan yang dihuraikan, kadang-kadang menggunakan ayat al-Quran dan kadang-kadang menggunakan hadis Nabi SAW. Beliau juga menyebutkan hujah daripada ijma' ulama, dan *athar* daripada sahabat. Contohnya adalah pendalilan tentang hukum sunat bersiwak selepas bangun daripada tidur. (Al-Bajuri, 2016, 1:231)

Habib Ahmad bin Hasan Al-Attas berkata: “Sesiapa yang membaca *hasyiah*, maka dia tidak dapat menguasai sesuatu ilmu (kerana *hasyiah* memasukkan banyak perbahasan sampingan daripada ilmu tersebut), tetapi dikecualikan *Hasyiah al-Bajuri* kerana ia adalah kesinambungan daripada matan” (al-Bajuri 2016, 13).

Terdapat banyak isu fiqah yang disentuh dalam *Hasyiah al-Bajuri* yang mengambil kira manhaj *al-taysir*. Imam al-Bajuri menjelaskan isu-isu fiqah ini dengan mengutamakan pendekatan *al-taysir* serta meraikan *waqi'* masyarakat pada zaman beliau untuk menzahirkan keindahan syariat Islam yang bersifat *wasati*.

KESIMPULAN

Berdasarkan gambaran awal konsep *al-taysir* dalam *Hasyiah al-Bajuri* ini, dapatlah disimpulkan bahawa pendekatan *al-taysir* perlulah diambil kira dalam menjelaskan sesuatu hukum atau fatwa untuk mengelakkan *al-taysir* disalah ertikan. Ini kerana ia bukan sahaja bertepatan dengan kaedah fiqah yang utama, *al-masyaqqaqah tajlib al-taysir*, bahkan ia meraikan prinsip asas Islam yang bersifat *wasatiyah* iaitu pertengahan antara pengamalan agama yang terlalu ketat (*syadid*) dan pengamalan agama yang terlalu longgar (*tasahul*). Imam al-Bajuri dalam karyanya *Hasyiah al-Bajuri* telah mengaplikasikan pendekatan *al-taysir* dengan *dawabit* yang tertentu. Ia memberi gambaran bahawa mazhab Syafi'i juga menyediakan solusi dalam permasalahan fiqah yang bersifat kontemporari tetapi dengan syarat-syarat yang perlu dipatuhi dalam menerangkan hukum syarak.

RUJUKAN

- ‘Ali Jumu’ah Muhammad Abdul Wahab (2014). *Sina ’ah al-Ifta’*. Mesir: Dar al-Nahdah.
- Al-Bajuri, Ibrahim (2007). *Hasyiah al-Bajuri ‘ala Syarah Ibn Qasim ‘ala Matan Abi Syuja’*, Jakarta: Dar al-Kutub al-Islamiyah.
- Hasanulddin Mohd, Wan Mohd Yusof Wan Chik dan Abdul Karim Ali (2018). *Risalah fi Bayan Hukm al-Bay’ wa al-Riba: Konsep Maslahah dan Uruf*. Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Kamal Nabhan (2015). *‘Abqariyat al-Ta ’lif al- ‘Arabi*. Kuwait: al-Wa’y al-Islami.
- Al-Kurdi, Muhammad ibn Sulaiman (2011). *Al-Fawa ’id al-Madaniah fi Man Yufta Bi Qaulih Min A ’immah al-Syafi ’iyyah*. Lubnan: Dar Nur al-Sabah.
- Pusat Penyelidikan Dar al-Ifta’ al-Misriyah (2013). *Dawabit al-Ikhtiyar al-Fiqhi ‘ind al-Nawazil*. Kaherah: Dar al-Kutub wa al-Watha’iq al-Qaumiyyah.
- Al-Syatibi, Ibrahim bin Musa (1997). *Al-Muwafaqat*. Giza: Dar Ibn Affan.
- Usamah al-Sayyid (2011). *Asanid al-Misriyyin*. Kaherah: Dar al-Faqih.
- ‘Ali Zainal ‘Abidin, Luqman Hj Abdullah, Amin Ahmad, Juhud Sheikh al-Azhar Ibrahim al-Bajuri fi Khidmat Mazhab al-Syaffi’i, Kuala Lumpur: *Journal of Islamic Studies and Thought for Specialized Researches (JISTSR)* Vol.: 4, No. 2, 2018.